

20/02/2004

Telaga Harbour pacu industri maritim Langkawi

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Berkonsepkan ala-Mediterranean, Telaga Harbour Park di Pantai Kok, di sini dibangunkan sebagai bandar pelabuhan kecil yang menjadi pintu masuk baru ke pulau peranginan itu.

Apatah lagi, bandar marina itu dilengkapi pusat sehenti seperti kastam dan imigresen, stesen minyak, kemudahan bank, pejabat pos dan kafe.

Bagi pelayar yang menggunakan perairan Selat Melaka yang sentiasa sibuk sebagai laluan ke Thailand, India atau Singapura, Telaga Harbour Park tentunya menjadi tempat persinggahan yang bijak serta damai berlatar belakangkan jajaran gunung.

Sementara bagi mereka yang bercuti dan mahu kelainan, di situ mereka boleh menikmati hidangan di restoran sambil bersantai melihat pelbagai bentuk perahu layar berlabuh.

Perunding projek itu yang juga Pelayar Negara, Datuk Azhar Mansor, berkata Telaga Harbour Park sedia menerima penganjuran sukan air memandangkan ada kemudahan di situ.

Beliau mengalu-alukan mana-mana pihak yang mahu menganjurkan pertandingan sukan air seperti memancing, pertunjukan bot dan regatta perahu layar.

"Justeru, saya berterima kasih kepada Unit Joran Berita Harian dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) yang memutuskan untuk melepaskan peserta Langkawi-Koh Adang International Fishing Challenge 2004 dari Telaga Harbour Park.

"Lagi pun, lokasi Telaga Harbour Park adalah yang terbaik bagi acara itu kerana kedudukan Koh Adang tidak jauh dari sini," katanya ketika ditemui di pelabuhan itu, Sabtu lalu.

Pada pertemuan itu, Azhar turut memberi penerangan mengenai pembangunan bersepadu di marina itu kepada Pengarang Joran/Projek Berita Harian, Kamal Ahmad; Eksekutif Acara, Mohd Zainuddin Ismail; Eksekutif Kewangan dan Pentadbiran Unit Joran, Esa Abdullah dan juruteknik Jabatan Kerja Raya Daerah Langkawi, Tamrin Nasaruddin.

Terdahulu, mesyuarat persiapan pertandingan itu yang dipengerusikan Pengurus Besar Lada, Datuk Anwar Abdul Rahman, memutuskan Telaga Harbour Park bakal menjadi tuan rumah pertandingan serupa tahun depan.

Azhar berkata, projek di kawasan seluas 12 hektar itu dijangka turut menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan di Langkawi berikutan perkembangan industri maritim dan perkapalan di negara ini.

Ketika ini, katanya sejumlah 40 hingga 45 kapal layar dari seluruh dunia berlabuh di situ pada satu-satu masa.

Pembangunan projek itu merangkumi tiga fasa pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya dua tahun lagi. Ia antara lain membabitkan penyediaan pelbagai kemudahan untuk pelancong termasuk hotel bertaraf lima bintang dan apartmen.

Bangunan pejabat kastam dan imigresen serta Kompleks Petronas yang menempatkan restoran, kafe, bank dan stesen minyak adalah antara bangunan yang siap dibina dalam fasa pertama.

Bahagian yang menempatkan kastam, imigresen dan Kompleks Petronas, dikenali sebagai Perdana Quay sudah memulakan operasi tahun lalu. Pembangunan fasa seterusnya bagi projek itu membabitkan 25 lot premis komersial kini giat dilaksanakan oleh sektor swasta.

Penggerak utama projek bernilai RM40 juta itu ialah arkitek pembangunan Langkawi iaitu bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang

sentiasa meluangkan masa meninjau pembangunan projek berkenaan pada setiap kali lawatan beliau ke Langkawi.